



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	9/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	:	-		

HSKLU diwartakan semula

Sinar, 9 Sept
2021 13

Kerajaan Selangor juga memutuskan untuk henti cadangan pelan pembangunan ke atas kawasan tersebut

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor yang bersidang pada petang Rabu memutuskan untuk mewartakan semula kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri juga memutuskan untuk menghentikan



AMIRUDIN

cadangan pelan pembangunan ke atas kawasan tersebut serta membatalkan pemberimilikan tanah berkenaan kepada syarikat berkaitan.

Beliau berkata, sebahagian tanah HSKLU seluas 42.087 hektar daripada keluasan keseluruhan berjumlah 536.6 hektar akan turut diwartakan bagi melengkapkan pemberimilikan tanah kepada Kampung Orang Asli Busut Baru yang tertanggung susulan pemindahan mereka sebelum ini berikutan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

“Sehubungan itu, kerajaan Selangor akan memulakan proses mewartakan semula HSKLU selepas ini,” katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Menerusi kenyataan sama, Amirudin berkata, kerajaan ne-



Hutan Simpan Kuala Langat Utara.

geri juga akan mempertimbangkan sebahagian kecil lagi kawasan HSKLU dinyahwartakan bagi jajaran Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Katanya, kawasan gantian yang diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) seluas 581.129 hektar di Sungai Panjang, Ampang Pechah dan Bukit Broga akan turut dikekalkan statusnya.

“Kerajaan Selangor menegaskan bahawa segala proses penyahwartaan HSKLU se-

belum ini telah mengikuti segala prosedur dan tatacara yang dinyatakan mengikut lunas undang-undang,” katanya.

Tambah beliau, sebagai sebuah kerajaan yang berteras prinsip akauntabiliti, kerajaan Selangor akan menulis surat kepada Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi mengadakan sidang Jawatankuasa Pilihan Khas Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan untuk menjawab isu-isu yang dibangkitkan dengan penyahwartaan sebelum ini.

